

**JAWATANKUASA
ASET & HARTANAH**

**PERSEKUTUAN
PENGAKAP MALAYSIA**



**PENGAKAP
MALAYSIA**

PENUBUHAN JAWATANKUASA BERSAMA PENYELARASAN PEMBANGUNAN ASET HARTANAH PPM (JAWATANKUASA BERSAMA ASET) PERSEKUTUAN DAN NEGERI



ASPEK-ASPEK PERUNDANGAN ASET HARTANAH PPM

AKTA 784 AKTA PERSEKUTUAN
PENGAKAP-PENGAKAP
MALAYSIA (PEMERBADANAN)
1968 (DISEMAK 2016)

SEKSYEN 10(1)

Semua harta kepunyaan Persekutuan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, sama ada yang dipegang atas nama Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Budak-Budak Pengakap Persekutuan Tanah Melayu atau atas nama mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi Persekutuan hendaklah terletak hak pada Perbadanan.

PROSEDUR ORGANISASI DAN
PERATURAN (POR)
PERSEKUTUAN PENGAKAP
MALAYSIA PINDAAN 2010

PERKARA 26 - ASET


Semua aset semasa dan aset tetap walau di mana letaknya sama ada dipegang bagi kegunaan Majlis Pengakap Negara, Majlis Pengakap Negeri, Majlis Pengakap Daerah atau Kumpulan hendaklah dikuasamilik di atas nama Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia atau Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia Negeri-Negeri.

PROSEDUR ORGANISASI DAN
PERATURAN (POR)
PERSEKUTUAN PENGAKAP
MALAYSIA PINDAAN 2010

PERKARA 148(2) – KEWANGAN

Salinan-salinan kira-kira yang telah diperiksa dengan satu jadual harta Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah mesti dikirimkan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan Setiausaha Majlis Pengakap Negeri dengan serta selepas Mesyuarat Agung Tahunan.

LATAR BELAKANG PENUBUHAN JAWATANKUASA ASET HARTANAH



- Untuk membantu mencapai Fokus Utama 4 dan 5, Mesyuarat Agung Tahunan PPM kali ke-33 pada 21 Disember 2024 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Bersama Penyelarasan Pembangunan Aset Hartanah (Jawatankuasa Bersama Aset) di peringkat Persekutuan (Ibu Pejabat) dan Negeri.
- Jawatankuasa Aset di peringkat Pesekutuan telah dilantik sebagai Sekretariat Jawatankuasa tersebut


OBJEKTIF PENUBUHAN JAWATANKUASA

Majlis Pengakap Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Pemerolehan dan Pengurusan Aset dan Hartanah (Jawatankuasa Aset).

Antara tanggungjawab Jawatankuasa Aset adalah:

1. Mengumpul dan mengemas kini sistem pangkalan data hartanah PPM untuk seluruh negara.
2. Mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk menampung keperluan aktiviti-aktiviti Pengakap.
3. Membantu PPM Negeri untuk menilai, merancang dan membangunkan hartanah (secara usahasama dengan pihak ketiga atau sendiri) bagi hartanah yang berpotensi di negeri masing-masing untuk memberi pulangan kewangan berterusan yang terbaik kepada PPM.
4. Menjadi platform perbincangan antara PPM Persekutuan dan PPM Negeri untuk membangunkan hartanah PPM di negeri-negeri.

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA ASET




ASPEK-ASPEK PENGURUSAN ASET DIPERINGKAT NEGERI

PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DALAM PROSEDUR ORGANISASI DAN PERATURAN (POR)	TAFSIRAN
<p>Perkara 97(2)</p> <p>97. Tugas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam Negerinya adalah pada keseluruhannya bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara mengenai keahlian, kebajikan, kemajuan, dan latihan Persekutuan dan mengekalkan Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan Persekutuan, khususnya</p> <p>(2) Bertindak bersama-sama dengan Majlis Eksekutif Pengakap Negeri atas semua perkara bersabit dengan kewangan dan harta Majlis Pengakap Negeri.</p>	<p>Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri hendaklah bertindak bersama dengan Majlis Eksekutif Pengakap Negeri bagi mengurus semua perkara berkaitan kewangan dan harta benda milik Majlis Pengakap Negeri</p>
<p>Perkara 110(3)</p> <p>110. Tugas-tugas Majlis Pengakap Negeri adalah:</p> <p>(3) Bertindak bersama-sama dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam semua perkara berkenaan dengan kewangan dan harta Negeri mengikut peraturan-peraturan dalam Bahagian II Seksyen V Peraturan Peraturan ini.</p>	<p>Majlis Pengakap Negeri perlu bekerjasama dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan kewangan (duit) dan harta benda (aset) milik pengakap negeri.</p> <p>Segala urusan kewangan dan harta ini mesti dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dalam perlembagaan/peraturan pengakap.</p>
<p>Perkara 110(4)</p> <p>110. Tugas-tugas Majlis Pengakap Negeri adalah:</p> <p>(4) Menubuhkan Majlis Eksekutif Pengakap Negeri, Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Kecil lain yang diperlukan.</p>	<p>Penubuhan Jawatankuasa kecil adalah di bawah tanggungjawab Majlis Pengakap Negeri.</p> <p>Oleh itu, Majlis Pengakap Negeri dimohon untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemerolehan dan Pengurusan Aset Hartanah di peringkat negeri masing-masing.</p>
<p>Perkara 110(5)</p> <p>110. Tugas-tugas Majlis Pengakap Negeri adalah:</p> <p>(5) Menghantar Laporan Tahunan ke Ibu Pejabat Persekutuan pada atau sebelum 28 Februari setiap tahun.</p>	<p>Majlis Pengakap Negeri hendaklah memastikan laporan tahunan berkenaan aset hartanah di negeri masing-masing dihantar ke Ibu Pejabat sebelum 28 Februari setiap tahun.</p>

PUNCA KUASA BAGI PENUBUHAN JAWATANKUASA ASET

Peringkat Persekutuan	Peringkat Negeri
Ditubuhkan di bawah Majlis Pengakap Negara melalui Mesyuarat Agung Tahunan	Penubuhan Jawatankuasa Aset di peringkat negeri ditubuhkan melalui Majlis Pengakap Negeri dan mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat Agung Tahunan Negeri.



CADANGAN ORGANISASI JAWATANKUASA ASET DI PERINGKAT NEGERI

Ahli Tetap	Ahli Dilantik
1. Pengerusi – Pengerusi Majlis Pengakap Negeri	1.
2. Timbalan Pengerusi – Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri	2.
3. Setiausaha – Setiausaha Majlis Pengakap Negeri	3.
4. Bendahari – Bendahari Majlis Pengakap Negeri	4.

*Jumlah bilangan ahli Jawatankuasa adalah ganjil bagi memudahkan proses membuat keputusan melalui undian

KONSEP GABUNGAN PEMBANGUNAN ASET HARTANAH PPM



JAWATANKUASA PEMEROLEHAN
DAN PENGURUSAN ASET DAN
HARTANAH (PERSEKUTUAN)

JAWATANKUASA PENYELARASAN
PEMBANGUNAN HARTANAH
(PERSEKUTUAN+NEGERI)

JAWATANKUASA
PEMEROLEHAN DAN
PENGURUSAN ASET DAN
HARTANAH (NEGERI)

FUNGSI DAN TUGAS JAWATANKUASA

Menyenarai dan mengemaskini data-data hartanah di negeri/daerah.

Menghantar senarai hartanah terkini kepada Ibu Pejabat (yang akan mendaftar data tersebut dalam pangkalan data hartanah PPM seluruh negara) secara berkala.

Menggubal bersama dasar-dasar pembangunan aset hartanah PPM untuk pelaksanaan di seluruh negara.

Mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk dibangunkan bagi aktiviti kepengakapan dan pembangunan aset PPM.

CADANGAN PROGRAM PERLAKSANAAN JAWATANKUASA BERSAMA ASET

Perbincangan secara terperinci aspek-aspek Pengurusan dan Pentadbiran aset diperingkat negeri dan daerah dan kerjasama diantara kedua-dua pihak.

Mengenalpasti dan membincang pembangunan aset-aset dengan PPM negeri yang telah bersedia untuk pelaksanaan dan bantuan yang boleh diberi diperingkat Ibu Pejabat.

Melancarkan Program-program pembangunan segera yang dapat memberikan munafaat kepada PPM Negeri dan Daerah.

